

Punca Melayu hampakan kaum sendiri

UM - 6 NOV 2001

Oleh A KADIR JASIN

KES pencerobohan tanah rizab Melayu oleh pendatang asing seperti yang heboh diperkatakan sekarang boleh dilihat dari sudutnya sendiri atau dari perspektif yang lebih luas.

Dari sudut yang sempit, kita boleh mengangapnya sebagai kes pencerobohan biasa. Ia pernah berlaku sebelum ini dan dilaporkan secara meluas oleh media masa.

Reaksinya sama. Pihak berkuasa terperanjat dan berjanji mengambil tindakan tegas. Siasatan dibuat dan sebuah dua bangunan dirobohkan. Lepas itu dilupakan.

Untuk sekian lama, pelbagai ulasan, ikrar dan janji telah dibuat bagi mengatasi dan membanteras pencerobohan dan penyelewengan penggunaan tanah rizab Melayu. Tapi seperti terbukti, janji tinggal janji.

Tanah rizab Melayu bukan sahaja dicero-boh, ia juga diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan tanpa diganti sepenuhnya.

Perangkaan Kementerian Tanah, dan Pembangunan Koperasi menunjukkan di tujuh buah negeri sahaja iaitu Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Perak dan Selangor, seluas 76,409 hektar tanah rizab Melayu telah dibatalkan taraf dan lebih 63,000 hektar lagi diambil alih. Daripada keluasan itu, 77,208 hektar diganti balik. Tanah rizab Melayu di Semenanjung meliputi keluasan kira-kira 4.5 juta hektar.

Dari sudut pandangan yang lebih luas, pencerobohan tanah rizab Melayu hanyalah salah satu daripada banyak masalah pokok yang sepatutnya tidak berlaku kerana ia menyentuh secara langsung hak istimewa orang Melayu.

Tetapi bukan dalam soal tanah rizab Melayu saja berlaku masalah. Banyak lagi, bidang dan perkara yang menyentuh hak orang Melayu, sama ada diabaikan atau terus dilanggar.

Justeru kalau soal pencerobohan tanah rizab Melayu begitu merungsingkan sehingga memaksa Kabinet campur tangan, apakah pula reaksi kita kalau disimpulkan bahawa hal seperti ini berlaku kerana wujud masalah yang lebih besar?

Masalah sikap orang Melayu yang semakin negatif dan bercelaru. Orang Melayu yang bukan sahaja mudah lupa tetapi

kurang kemampuan berfikir dan bertindak secara fokus - secara terperinci.

Mengapa tidak. Bukankah tanah itu tanah Melayu, pegawai yang mentadbir hal ehwal tanah adalah orang Melayu dan kerajaan yang membuat dan menguatkuasakan undang-undang tanah juga diterajui orang Melayu?

Bukankah majoriti pegawai daerah, pegawai pemungut hasil tanah, pengarah tanah negeri dan Exco kerajaan negeri yang berkuasa mutlak terhadap tanah adalah orang Melayu?

Fikrah Hang Hebat (Utusan Malaysia 1 November) antara lain, berkata: "Dalam masa sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu, satu daripada kelemahan besar pentadbiran parti dan kerajaan kita ialah kekurangan pertanggungjawaban.

"Daripada pemimpin kecil atau pegawai rendah di peringkat cawangan parti, di kampung atau di daerah hingga ke pegawai tinggi dan menteri di pusat Kuala Lumpur, kerap berlaku penyelewengan yang mengakibatkan kerugian wang negara berjuta-juta, kadang-kadang berbilion ringgit dan kegagalan dalam mencapai matlamat kerajaan atau parti kerana ini."

Kesimpulan yang tajam begini seharusnya membuka mata hati orang Melayu untuk melihat dengan lebih teliti dan berfikir dengan lebih tajam tentang pertalian kuasa - kuasa politik, kuasa pemerintahan dan kuasa pentadbiran - dengan kedudukan orang Melayu.

Tidak dapat dinafikan yang kaum Melayu telah mengalami transformasi yang radikal, meluas dan umumnya positif sejak tercetusnya nasionalisme Melayu pada pertengahan tahun 40-an.

Tidak ada bidang dan aspek hidup orang Melayu yang tidak tersentuh oleh transformasi ini. Disebabkan bilangannya yang ramai, orang Melayu menguasai politik. Melalui kuasa politik, kepemimpinan Melayu membawa perubahan besar kepada orang Melayu dalam bidang-bidang asas seperti agama, pendidikan, kesihatan dan ekonomi.

Apa yang berlaku kepada orang Melayu Malaysia tidak kurang daripada sebuah revolusi. Revolusi aman yang lebih hebat kesannya daripada revolusi berdarah di banyak negara.

Tetapi sejak akhir-akhir ini terdapat banyak tanda bahawa bukan sahaja kepimpinan Melayu semakin tercabar malah mutu pimpinannya juga semakin men-

curigakan.

Walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membina asas pemikiran yang kukuh dan mencipta wawasan yang hebat, kemampuan kepimpinan Melayu sama ada dalam bidang politik, pentadbiran, kecendekiawanan atau ekonomi, menjejakinya dipersoalkan.

Lihat saja debat di Parlimen dan perhimpunan parti. Tidak banyak yang berhujah secara serius dan terperinci. Kalau ada pun, sambutan perwakilan dingin. Yang mendapat perhatian ialah lawak jenaka, gurindam dan seloka.

Manakala di satu pihak, kemelut perkhidmatan awam dan birokrasi terus menyusahkan orang Melayu, di pihak yang lain pula ia menjadi bahan ketawa orang bukan Melayu.

Soalnya, kalau orang Melayu dalam kerajaan dan pentadbiran awam berpegang kepada cogan kata bersih, cekap dan amanah, mengapakah masih ada pemilik tanah Melayu terpaksa berpuh kali turun naik pejabat tanah dan menunggu bertahun-tahun untuk mendapat geran tanah?

Mengapakah kontraktor kecil dan sederhana Melayu terpaksa turun naik pejabat Jabatan Kerja Raya (yang slogannya "Jasa Kepada Rakyat") atau mengadu kepada Badan Pencegah Rasuah sebelum tuntutan mereka dilayan?

Diselewengkan

Mengapakah rumah dan pangsapuri murah untuk rakyat miskin terbelengalai bertahun-tahun lamanya tanpa sesiapa pun tampil membela? Apakah punca puluhan juta ringgit peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin diselewengkan? Dan mengapa polis serta BPR lambat menyudahkan siasatan walaupun kementerian sudah setahun membuat aduan. Jawapannya mudah saja. Tetapi beranikah orang Melayu berdepan dengan kenyataan?

Pokok pangkal masalah tanah, seperti juga dengan banyak masalah lain, berpunca daripada kekecelaruan pemikiran dan kelemahan sikap orang Melayu.

Malangnya, yang lebih banyak menanggung bebannya ialah orang Melayu sendiri kerana mereka kaum majoriti dan mereka jugalah yang lebih banyak bergantung kepada kerajaan.

Lebih malang lagi apabila orang Melayu terpaksa bergantung dan berserah kepada birokrasi, orang bukan Melayu, khususnya